



JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (1) Jun.2017(067-074)

Bahasa Lincih:Pembentukan Kata Baharu Dalam Komik Humor Remaja

Nurul Atiqah binti Nor Azman
Harishon Radzi
naslin@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang semakin berkembang pesat terutama dalam penambahan kosa kata dan istilah yang dicipta atau dibentuk oleh pengunannya yang memang sedia kreatif. Bahasa pertuturan atau lisan yang dikenali sebagai bahasa lincih merakamkan banyak pembentukan kata baharu yang memperlihatkan kewujudannya di dalam bahan bercetak (tulisan). Bahasa lincih merupakan bahasa pertuturan yang bersifat *lively* dan *energetic* yang didokumentasikan dalam bentuk penulisan oleh penulis terutama di dalam karya kreatif. Kajian ini membincangkan mengenai pembentukan kata baharu dalam komik humor remaja popular iaitu *Ujang, Gila - Gila* dan *Lawak Kampus*. Pengkajian dimulakan dengan mengenal pasti penggunaan kata baharu serta data dikategori dan dianalisis menggunakan Prinsip Kognitif. Hasil penganalisan membuktikan terdapat lima kategori yang mencirikan bahasa lincih dan digunakan secara berpada oleh penulis karya kreatif. Pembentukan kata baharu dalam dunia bahasa mampu menyumbang kepada keaktifan sesuatu bahasa dengan perkembangan yang tersusun dan terancang dan menyumbang kepada pembinaan sebuah kamus umum dan daftar kata dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: Bahasa lincih, bahasa lisan, karya kreatif, pembentukan kata dan prinsip kognitif

Agile Language: New Word Formation In Humour Comics For Young Age Group

Abstract

The Malay language has gone through an evolution particularly in terms of vocabulary and terminology expansion. Words and terminology are newly coined or formed due to the natural creative characteristic of the language. Spoken or written language known as Agile language records many newly formed words that are shown in print materials.. Agile language is a spoken language which is lively and energetic documented in written form by writers especially in creative writing. This paper discusses the formation of new words in popular young age group comics. The comics are Ujang, Gila - Gila and Lawak Kampus. The study began with identification of the use of new words where data was categorised and analysed using Cognitive Principle. The result shows that there are five categories of Agile language and used sparingly by creative writers. New word formation in language contributes towards the status of an Active language in an organised and well-planned advancement and is significant to the developmet of a dictionary and word list for the Malay language.

Key words: Agile language, spoken language, creative writing, word formation, Cognitive Principle.

Pengenalan

Sesuatu bahasa itu berkembang dan maju selaras dengan taraf perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat bahasanya (Nik Safiah Karim 1986). Bahasa Melayu itu sendiri kini mengalami satu bentuk transformasi yang memperlihatkan ratusan malah ribuan kata dan ungkapan baru mula tercipta oleh minda pengguna bahasa yang memang sedia kreatif (Noresah Baharom 2005). Perkembangan bahasa daripada aspek kosa dan istilah harus diperlihatkan dengan jelas kerana kini banyak dipengaruhi oleh perilaku kreatif individu ketika berbahasa. Justeru, penciptaan kata baharu sinonim dengan penutur bahasa kerana manusia mempunyai daya kreatif dan cukup proaktif dalam penciptaan kata baharu (VijayaLetchumy Subramaniam 2011).

Kekreatifan pengucapan penutur inilah yang mula mengambil tempat dengan tujuan menggambarkan ketepatan dan kejelasan makna, serta kesepakatan sesama penutur yang lain (S.Nathesan 2016). Fenomena pembentukan kata baharu mendapat perhatian daripada penulis - penulis bahan bercetak dalam memuatkan bahasa pertuturan iaitu bahasa lincih yang bersifat *lively* dan *energetic* ke dalam penceritaan mereka. Bahasa pertuturan atau bahasa lisan dikenali sebagai bahasa lincih kerana bahasa pertuturan adalah bersifat *lively* dan *energetic* (Hishamudin Isam 2015). Oleh hal yang demikian, sesuatu kata yang diujarkan dalam bahasa lincih, dilentur berdasarkan kesesuaian lidah yang lincih bergerak membentuk sistem pembentukan kata (morfologi) dan ayat (sintaksis) yang tersendiri serta kekreatifan otak membentuk sistem makna.

Oleh sebab sifatnya yang *lively* dan *energetic*, maka penggunaan sebegini mendapat perhatian daripada pengguna bahasa terutama oleh remaja dan hal ini dapat dilihat apabila digunakan dalam bentuk tulisan sehingga menjadi pilihan penulis karya untuk memuatkannya dalam bahan bercetak. Kaedah yang bersesuaian bagi mengkaji bahasa lincih tersebut ialah melalui bahan bercetak pilihan remaja antaranya komik humor popular. Hal ini sejajar dengan trend yang menunjukkan penulis bahan bercetak bijak mengungkapkan bahasa remaja dalam bentuk yang kreatif, ringkas, berunsur lisan dan diubah suai daripada kata atau makna asal.

Pengkajian pembentukan kata telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji,, misalnya Harishon Radzi (2006) yang mengkaji pembentukan kata sesuatu kata tunggal serta pemendekan kata dan pada (2007). Harishon Radzi melihat kepada pembentukan kata melalui kaedah akronim dan singkatan. Noriah Mohamed dan Norma Baharom (2006) pula mengkaji pembentukan kata baharu yang difokuskan kepada golongan lelaki gender ketiga dan Hishamudin Isam (2015) melihat kepada pembentukan kata baharu dalam komik humor remaja. Selain itu, pengkajian yang menggunakan data humor telah dilakukan oleh Salmah Jaabar (1999) yang menggunakan Teori Relevans dalam menganalisis data dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2003) yang menggunakan Teori Kognitif Sosial iaitu gabungan disiplin linguistik, psikologi dan sosiologi.

Hasil daripada penelitian kajian lepas yang menggunakan data humor sebagai data kajian serta penelitian pembentukan kata baharu dalam pelbagai bidang dan teori membuktikan bahawa data humor dalam komik remaja boleh dikaji dan dianalisis dalam melihat fenomena bahasa. Komik humor yang bersifat ringkas dan mudah difahami menepati ciri bahasa lincih yang bersifat *lively* dan *energetic*. Kajian ini memilih dan menggunakan lima belas (15) buah komik humor remaja popular sebagai data kajian iaitu komik Ujang, Gila - Gila dan Lawak Kampus. Setiap komik yang dipilih oleh pengkaji merupakan komik yang sememangnya sudah mendapat tempat di pasaran dan dikenali oleh golongan remaja.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks yang memperlihatkan 15 buah komik humor remaja dianalisis oleh pengkaji. Analisis kajian ini dilakukan secara deksriptif. Pengkaji mengumpulkan data melalui dua peringkat iaitu, pengenalanpastian peringkat awal dilakukan secara rawak iaitu bagi melihat secara rintis bentuk bahasa lincih yang terdapat di dalam komik tersebut. Pengkaji melakukan pemerhatian terus kepada teks humor yang didokumentasikan oleh penulis dalam bentuk tulisan. Kemudian, peringkat kedua memperlihatkan pengkaji melakukan pembacaan dan pengenalanpastian dengan lebih teliti bagi mengeluarkan data daripada penceritaan dialog di dalam komik tersebut sahaja. Pengkaji mengeluarkan data bahasa lincih tersebut dengan menanda dan mengkategorikan serta menganalisis terus data tersebut berpandukan teori Prinsip Kognitif oleh Taylor.

Algeo (1991) dalam Harishon Radzi (2006) menyatakan pembentukan kata merupakan satu proses yang akan menerbitkan atau menghasilkan kata baru melalui satu proses penciptaan, peminjaman, pemendekan dan perubahan. Pengkaji menganalisis bentuk kata baharu berdasarkan penghasilan kata tersebut oleh penulis di dalam komik. Setiap kata yang telah dikenal pasti akan terlebih dahulu disemak iaitu melalui *Kamus Dewan*

Edisi Keempat. Hal ini bagi memperlihatkan ciri kata lincih itu sendiri yang dicipta dan diubah bentuk katanya oleh penulis dan penutur. Oleh itu, kata akan dibahagikan kepada dua iaitu :

- i. Kata yang belum didokumentasikan dalam kamus
- Kata yang belum didokumentasikan merujuk kepada kategori yang dicipta bentuknya oleh penulis dan penutur yang seterusnya didokumentasikan dalam bahan bercetak
- ii. Kata yang telah didokumentasikan dalam kamus
- Kata yang telah didokumentasikan dalam kamus merujuk kepada kategori yang diubah suai bentuknya dari segi ejaan, makna dan didokumentasikan dalam bahan bertulis

Kata yang telah disemak akan dikategorikan mengikut perubahan, penciptaan yang berlaku dalam pembentukan bahasa lincih tersebut. Kata tersebut seterusnya akan dianalisis mengikut kategori dengan melihat konteks berdasarkan Prinsip Kognitif oleh Taylor. Penulis mendapati terdapat 5 kategori yang terkandung dalam pembentukan bahasa lincih :

- i. Kata Baharu
- ii. Kata Akronim
- iii. Kata Pinjaman
- iv. Kata Yang Mengalami Perubahan Ejaan
- v. Kata Yang Mengalami Perubahan Makn

Analisis Dan Perbincangan

Bahagian ini memperlihatkan penganalisan kajian pembentukan kata baharu dalam komik humor remaja berdasarkan prinsip kognitif yang menfokuskan kepada dua faktor iaitu ciri - ciri persamaan bentuk penggunaan atau kesepunyaan seperti persamaan bentuk, saiz dan bahan serta aspek artibut atau sifat sesuatu objek seperti meneliti fungsi atau tujuan kata digunakan, daripada siapa dan kepada siapa kata tersebut ditujukan. Penganalisan akan dilakukan terhadap kelima - lima kategori iaitu kategori kata baharu, kata pinjaman, kata akronim, kata diperbaharui makna dan kata diperbaharui ejaan. Setiap penganalisan kategori akan dinyatakan sekali contoh ayat untuk memudahkan kefahaman dalam meneliti makna dan fungsi pembentukan kata tersebut.

Kata Baharu

Kata baharu yang didokumentasikan dalam komik humor remaja oleh penulis terbentuk dalam pelbagai bentuk dan kelas kata. Kata baharu yang dibentuk menggambarkan keadaan / perbuatan seseorang, menamakan sifat seseorang atau sesuatu. Pembentukan kata baharu tersebut dicipta dan diujarkan berdasarkan kesesuaian konteks bagi penulis dan penutur. Kata baharu yang tercipta oleh minda kreatif penutur terdiri daripada pelbagai kelas kata iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Penulis komik banyak membentuk dan menggunakan kata baharu dalam menyatakan sesuatu keadaan dan menggambarkan sifat sesuatu.

i. Skodeng

Kata baharu "skodeng" tergolong dalam kelas kata kerja yang menyaksikan perbuatan seseorang atau melakukan sesuatu. Kata "skodeng" sinonim kepada perkataan "*mengintai*" iaitu membawa pengertian melihat dengan bersembunyi untuk melihat gerak geri seseorang, mengintip dan memata - matai (Kamus Dewan 2005 : 582). Kata "skodeng" ini digunakan dalam konteks perbuatan watak ujaran yang tidak diketahui oleh orang yang diperlakukan.

Contoh Ayat :

1. "Ini nak tangkap khalwat ke nak **skodeng** ni?!" (*Gila - Gila* 2014)
2. "Jom kita **skodeng** mamat tu" (*Gila - Gila* 2014)
3. "Awak ni bukan kaki **skodeng** kan?" (*Lawak Kampus* 2012)

ii. Kantoi

"Kantoi" digunakan oleh penutur bahasa dalam menggambarkan keadaan yang dilakukan secara bersembunyi dan tidak mahu diketahui oleh orang lain. Selain itu, kantoi juga membawa maksud perbuatan jahat yang telah diketahui oleh orang dan sudah terperangkap dengan perbuatan sendiri. Perkataan baharu ini menggambarkan kekreatifan penutur bahasa dalam menggambarkan sesuatu keadaan secara ringkas.

Contoh Ayat :

4. “hahaha ... **Kantoi!** (Gila - Gila 2014)
5. “Panggil ibu kang **kantoi** lak” (Ujang 2013)
6. “**Kantoi** aku kalau tok ketua nampak aku kat sini” (Gila - Gila 2014)

iii. Sempoi

Kata baharu “sempoi” bukan sahaja digunakan oleh golongan remaja malah golongan tua juga dalam menyatakan sesuatu keadaan yang santai. Kata ini membawa maksud keadaan yang ringkas dan bersahaja. Pembentukan kata baharu ini sering digunakan oleh individu dalam menggambarkan keadaan yang menyenangkan hati.

Contoh Ayat :

7. “Pak cik tertarik dengan lagu Awie tu, **sempoi** tapi bermakna” (Ujang 2013)
8. “Contoh yang paling **sempoi** ...” (Ujang 2013)

Kata Akronim

Kata akronim ditakrifkan sebagai kependekan yang terbentuk daripada gabungan huruf - huruf pertama atau suka kata beberapa perkataan yang boleh diujarkan sebagai satu perkataan (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Selain itu, pengkaroniman ialah satu proses morfologi yang menerbitkan kata dengan cara mencantumkan elemen - elemen tertentu daripada kata dasar yang membentuk satu frasa atau kata majmuk (Harishon Radzi 2007). Umumnya, kata akronim itu ialah singkatan beberapa kata yang ditulis dan dilafazkan sebagai satu kata yang wajar (Mashudi Kader et al. 2006).

i. Amacam

Amacam menunjukkan gabungan dua kata iaitu apa + macam. Gabungan dua kata ini digunakan untuk menanyakan keadaan sesuatu situasi. Perkataan ini memperlihatkan huruf pertama perkataan **apa** diambil kemudian digabungkan dengan perkataan keseluruhan **macam**. Perkataan ini berfungsi sebagai kata tanya yang mempersoalkan keadaan atau reaksi seseorang atas sesuatu perkara. Kata akronim “amacam” digunakan oleh penutur dalam menggantikan kata tanya “bagaimana” dalam penuturan tidak rasmi.

Contoh Ayat :

9. “Kita kawan berdua, **amacam?**” (Lawak Kampus 2013)
- 10.. “**Amacam** Lela?” (Lawak Kampus 2015)

ii. Camtu

Kata akronim camtu pula berfungsi sebagai penerangan dalam sesuatu ayat. Perkataan ini menggabungkan dua perkataan iaitu macam + itu. Perkataan ini mengambil suka kata akhir kedua - dua perkataan dalam membentuk kata akronim yang belum didokumentasikan dalam kamus.

Contoh Ayat :

11. “Kalau **camtu**, jom la” (Lawak Kampus 2015)
12. “Kalau **camtu** aku setuju, esok datang ya” (Lawak Kampus 2012)

iii. Diorang

Kata ganti nama “diorang” sering digunakan oleh penutur bahasa terutama dalam bentuk lisan. Kata ini kerap digunakan sama ada dalam situasi formal atau tidak formal. Namun, kata ini lebih banyak dalam keadaan yang tidak rasmi, santai dan rapat serta mesra antara masyarakat bahasa yang berada dalam kelompok umur yang sama. Gabungan kata dia + orang merupakan kata ganti nama diri ketiga yang merujuk kepada “mereka”. Kata akronim diorang mengambil suka kata pertama perkataan pertama dan keseluruhan kata perkataan kedua.

Contoh Ayat :

13. “Apa **diorang** merepek ni?” (Lawak Kampus , 2012)
14. “**Diorang** buat apa tu?” (Lawak Kampus 2013)

iv. **Seposen**

Kata akronim seposen merupakan kata yang diperbaharui ejaan tetapi maksud asal perkataan tersebut masih dikekalkan iaitu berkaitan nilai yang rendah. Perkataan ini berasal daripada kata sepuluh sen (Kamus Dewan 2005 : 1068).

Contoh Ayat :

15. "... buat muka **seposen**" (*Ujang* 2013)

Kata Yang Mengalami Perubahan Makna

Kata ini dibentuk dengan mengambil kata yang sedia ada atau wujud sama ada dari kata pinjaman atau dari kata dalam bahasa itu sendiri tetapi pengertiannya diubah (Amat Juhari Moain 1985). Kata diperbaharui makna adalah kata yang telah tercatat dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) tetapi telah diperbaharui dengan pengubahsuaian atau penambahan daripada segi makna. Perubahan makna terjadi kerana perkembangan pemikiran penutur yang kreatif dalam meluaskan makna sesuatu perkataan. Perubahan makna diberi kepada setiap kata berdasarkan konteks iaitu memenuhi kehendak dan keperluan ujaran.

i. **Jalan**

Kamus Dewan (2005 : 600) , mendefinisikan perkataan "jalan" sebagai i) tempat lalu lintas ii) tempat yang harus dilalui atau dilintasi supaya sampai ke ruang tertentu iii) gerakan iv) perkembangan sesuatu peristiwa v) dapat diterima vi) cara, ikhtiar. Namun, perkataan ini telah mengalami perubahan makna yang membawa maksud "mati/meninggal dunia". Penutur bahasa terutama golongan tua akan mengujarkan perkataan ini dalam perbualan dan diterima kerana konsep kesalingterimaan dan kesalingfahaman antara penutur.

Contoh Ayat :

16. "Kalau terus camni, kita kat bawah ni yang **jalan** dulu!" (*Ujang* 2013)

ii. **Kacang**

Kata baharu "kacang" bukan sahaja mengalami perubahan makna tetapi mengalami perubahan kelas kata. Kacang merupakan golongan kata nama am yang dikelaskan kepada kata adjektif setelah mengalami perubahan makna. Kacang dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005 : 650) membawa maksud tumbuhan dan buah. Walau bagaimanapun, kata ini telah diubah suai maknanya dengan merujuk kepada keadaan yang mudah dan senang. Perkataan ini digunakan dalam membincangkan sesuatu situasi atau keadaan.

Contoh Ayat :

17. "No problem la kawan ... **Kacang** Aje" (*Gila – Gila* 2011)

iii. **Kencing**

Perkataan "kencing" merupakan kata yang mengalami perubahan makna dan kelas kata. *Kamus Dewan* (2005 : 634) mendefinisikan kata kencing sebagai i) air najis yang keluar daripada kemaluan, air seni ii) sejenis tumbuhan. Perkataan kencing diubah suai kepada kata kerja yang memperlihatkan perbuatan seseorang yang menipu dan membohong.

Contoh Ayat :

18. "Cis! Adam dah **kencing** aku le ni!!" (*Ujang* 2013)

Kata Yang Mengalami Perubahan Ejaan

Kata yang diperbaharui ejaan ialah kata yang telah tercatat dalam *Kamus Dewan* (2005) tetapi diperbaharui ejaannya. Kara - kata ini masih boleh digalur usul - asalnya kerana masih mengekalkan makna yang sama. Kata - kata yang mengalami perubahan ejaan berlaku dalam dua keadaan iaitu penggantian atau perubahan huruf vokal dan konsonan serta pengguguran vokal atau konsonan. Perubahan yang berlaku membawa elemen atau impak yang tersendiri dalam bentuk pengujaran lisan mahupun tulisan.

i. Tebiat

Kata “tebiat” ini berasal daripada perkataan tabiat yang membawa maksud i) budi pekerti, pekerti, perangai, watak ii) perbuatan yang selalu dilakukan, kelakuan dan tingkah laku (Kamus Dewan 2005 : 1562). Kata ini diperbaharui ejaan dengan perubahan vokal /a/ pada kepada vokal /e/ pada huruf kedua suku kata pertama. Kata ini mengalami perubahan fonem vokal. Daripada penganalisisan, pembentukan kata “tebiat” sering digandingkan dengan perkataan “buang” yang membawa maksud seseorang yang berkelakuan luar daripada kebiasaan.

Contoh Ayat :

19.. “Eh! Korang ni buang **tebiat** ke hah! (Gila - Gila 2011)

ii. Hancus

Pembentukan kata “hancus” mengalami perubahan pada akhir huruf suku kata kedua iaitu daripada huruf getaran langit keras tidak bersuara /r/ kepada huruf geseran langit lembut tidak bersuara /s/. Oleh itu, perkataan ini mengalami perubahan fonem konsonan yang berbeza cara sebutan. Perkataan “hancus” berasal daripada perkataan hancur yang membawa maksud i) pecah menjadi kecil - kecil, remuk ii) pecah berderai iii) sedih iv) rosak binasa (Kamus Dewan 2005 : 508). Namun, perubahan fonemik yang berlaku memperlihatkan perkataan “hancus” lebih membawa elemen dramatik kepada penutur atas analisis pengkaji dalam komik humor remaja.

Contoh Ayat :

20. “Baru semalam aku tukar set, hari ni dah **hancus!**” (Gila – Gila 2011)

iii. Sempot

Perkataan “sempot” berasal daripada perkataan sempit yang didefinisikan sebagai penyakit lelah, atau sukar bernafas (Kamus Dewan 2005 : 1442). Perkataan ini masih berada dalam golongan kata yang sama dan tidak mengalami perubahan makna. Kata ini memperlihatkan penulis mendokumentasikan ujaran lisan terus kepada bentuk lisan.

Contoh Ayat :

21. “Alih - alih pagi ni dia buat hal .. **Sempot** pulak” (Gila - Gila 2011)

Kata Pinjaman

Sesuatu bahasa itu dikatakan berkembang apabila berlaku pertambahan atau kemasukan istilah baharu, terutama istilah pinjaman daripada bahasa asing (Nordin Saad 2014). Bahasa asing yang dimaksudkan bukan sahaja daripada bahasa Asing tetapi bahasa - bahasa lain di dunia iaitu bahasa Arab, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Sanskrit. Kata pinjaman daripada dialek juga memperluaskan kemasukan istilah dan kosa kata sesuatu bahasa. Istilah-istilah yang diambil daripada bahasa asing, bukan saja membawa perubahan kepada struktur suku kata tetapi juga menambah jumlah suku kata kepada sesuatu kata.

i. Otai

Kata otai merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Kata ini merupakan singkatan kepada perkataan *old timer*. Old timer membawa maksud orang lama iaitu merujuk pada seseorang yang telah lama bergiat dalam sesuatu bidang atau mempunyai banyak pengetahuan mengenai sesuatu perkara.

Contoh Ayat :

22. “Korang kalau ada masalah kerja pergi rifer kat **otai - otai** sana tu”

(Gila – Gila 2014)

ii. Chat

Kata pinjaman chat merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas dalam bahasa Melayu. Kata pinjaman ini merupakan kata pinjaman tulen yang tidak mengalami asimilasi iaitu kata pinjaman yang tidak mengalami perubahan dalam sistem ejaan. Kata pinjaman cha digunakan oleh pengguna alam maya terutamanya dalam laman sosial yang merujuk kepada perbualan secara santai dan tidak formal.

Contoh Ayat :

23. "Hati hati wa, member **chat** ni bukan boleh percaya sangat" (*Ujang* 2011)

iii. **Hensem**

Kata pinjaman hensem yang merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris mencerminkan kemasukan kata baharu dalam bahasa Melayu. Kata ini mengalami proses asimilasi lengkap dalam bentuk ejaan dan bentuk sistem bunyi BM dan pengguna bahasa menggunakan kosa kata ini dalam menggambarkan sifat seseorang lelaki yang baik rupa parasnya.

Contoh Ayat :

24. "**Hensem** sangat" (*Ujang* 2012)

25. "Ceh! Gini punya **hensem** nanti dia cop aku peragut pula". (*Gila – Gila* 2014)

Data - data yang dipaparkan dalam pengkajian ini dapat membuktikan bahawa pembentukan kata baharu wujud dalam karya kreatif iaitu komik humor. Penggunaan kata dalam kategori yang berbeza mewakili sifat bahasa lincah itu sendiri iaitu *lively* dan *energetic*. Kecenderungan penutur bahasa membentuk kata baharu daripada kata sedia ada, pinjaman atau baharu menggambarkan kekreatifan penutur dan kedinamikan bahasa itu sendiri. Selain itu, pembentukan kata baharu ini bukan sahaja menggambarkan bahasa sebenar tetapi berupaya membentuk suatu sistem seperti pembentukan kata dan ayat serta makna yang tersendiri.

Selain itu, pembentukan kata ini selain memaparkan makna baharu, setiap kata yang digunakan juga menunjukkan unsur sistem nahu yang boleh diperjelaskan secara empirikal. Contohnya kata baharu poyo (kata sifat) yang merujuk kepada sifat seseorang yang menjengkelkan boleh ditambah imbuhan /meN-/ untuk bertukar menjadi kata kerja [mempoyo] untuk menjelaskan perbuatan seseorang yang sedang melakukan suatu yang menjengkelkan.

Penggunaan bahasa lincah membawa fenomena baru dalam bidang kosa kata dan istilah daripada aspek nahu dan makna. Kewujudan pembentukan kata baharu membuktikan bahawa bahasa itu bersifat dinamik. Keterbukaan sesebuah bahasa dalam menguruskan pembentukan kata baharu misalnya dalam bahan bacaan bercetak atau bahan bacaan atas talian dapat membantu kepada perkembangan pengkajian leksikografi iaitu bidang yang menguruskan pembinaan sebuah kamus serta bidang neologisme yang berkaitan dengan penggunaan perkataan baharu atau ungkapan baharu yang dicipta dalam bahasa.

Kesimpulan

Sifat bahasa Melayu yang sentiasa boleh bertolak ansur dan sedia menerima sesuatu yang baik membuatkan bahasa Melayu itu kekal dan relevan dalam kewujudan bahasa - bahasa di dunia (Za'ba 2013). Oleh itu, pembentukan kata baharu dalam dunia bahasa mampu menyumbang kepada keaktifan sesuatu bahasa dengan perkembangan yang tersusun dan terancang. Justeru, pengkaji berharap pengkajian ini memberi ruang dan peluang kepada pengkaji lain membuat penyelidikan yang lebih meluas dalam bidang pembentukan kata baharu. Selain itu, pengkaji berharap penyelidikan pembentukan kata baharu dalam komik humor remaja ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada pembinaan sebuah kamus umum dan daftar kata dalam bahasa Melayu. Kamus yang bakal dihasilkan tersebut diharap dapat menggambarkan bahasa yang sebenar dan kedinamikan sesebuah bahasa.

Rujukan

Harishon Radzi. 2006. Pembentukan Bahasa Melayu : Yang Standard dan Yang Kreatif. *Jurnal Linguistik*. 7. 81-93

Hishamudin Isam. 2015. Bahasa Lincih : Pembentukan Kata Baharu dalam Novel Remaja Popular. Kertas kerja Seminar SoLLs.Intec.15. Anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 29-30 September

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Nik Safiah Karim. 1986. *Bahasa Melayu : Persoalan dan Pergolakan*. Kuala Lumpur : Gateway Publishing House Sdn. Bhd.

Noresah Baharom. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

S.Nathesan.. 2016. Kosa Kata Baharu dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* (2) : 13 - 15

VijayaLetchumy Subramaniam. 2011. Uniknya Manusia kerana Bahasa. *Pelita Bahasa* (9) : 30 - 31

Za'ba. 2013. Jenis Corak Bahasa Melayu. Kuala Lumpur : Klasika Media